



**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PERPADUAN DAN KHIDMAT NEGARA**



**RINGKASAN
PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN)**



**JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA (JLKN)
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**ARAS 8-10, MENARA TH SELBORN,
153 JALAN TUN RAZAK,
50400 KUALA LUMPUR.**

E-MEL : sc.pkn@mod.gov.my

**Fax : 03-26873434
Tel : 03-26873511/510/520/519**

1.	LATAR BELAKANG	1
2.	OBJEKTIF PLKN	2
3.	KONSEP PLKN	3
4.	PEMILIHAN PELATIH	4
5.	AKTA LATIHAN KHIDMAT NEGARA	7
6.	PROGRAM KHAS PESERTA TERCICIR	8
7.	PELAKSANAAN PLKN	9
-	FUNGSI JLKN	9
-	KAEDAH LATIHAN	9
-	MODUL FIZIKAL	10
-	MODUL KENEGARAAN	11
-	MODUL PEMBINAAN KARAKTER	12
-	MODUL KHIDMAT KOMUNITI	13
-	KOMPONEN KEROHANIAN	14
-	KOMPONEN KEBUDAYAAN	15
-	KOMPONEN SILANG BUDAYA	16
-	KOMPONEN SISTEM NILAI	16
8.	MEKANISME PELAKSANAAN PLKN	
-	AKTA	17
9.	TARIKH DAN BILANGAN PELATIH PLKN SIRI 1/2004	17
10.	TARIKH DAN BILANGAN PELATIH PLKN SIRI 2/2005	18
11.	JADUAL LATIHAN	18
12.	ISU DAN PENAMBAHBAIKAN	19

PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN)

JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

1. LATAR BELAKANG

1.1 Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dilaksanakan pada 16 Februari 2004. Idea untuk mengadakan 'Kerahan Tenaga' dicetuskan di dalam Kongres Patriotisme Negara pada 24 Oktober 2002 yang dihadiri oleh pelbagai golongan masyarakat termasuklah orang individu, pelajar, tokoh, pesara, ahli korporat, ahli akademik, Polis di Raja Malaysia, Angkatan tentera Malaysia, badan berkanun, ketua jabatan kerajaan, pegawai kanan kerajaan, ahli dewan negara, ahli dewan rakyat (dari kerajaan dan pembangkang), setiausaha parlimen, timbalan menteri, menteri dan menteri besar. Peserta kongres mahu kerajaan melaksanakan program 'kerahan tenaga' ini untuk **menyediakan golongan muda bagi menghadapi cabaran dari dalam dan luar negara**, menangani perubahan-perubahan seperti teknologi baru, globalisasi, desakan badan bukan kerajaan antarabangsa yang 'tidak demokratik' dan lain-lain; **menanam semangat kesukarelaan** kepada golongan muda memandangkan terdapatnya perkaitan antara ketiadaan sikap kesukarelaan dengan keadaan persatuan-persatuan yang 'terkubur'; **menyatupadukan golongan muda dari pelbagai kaum** memandangkan usaha yang sama melalui sekolah dan institusi pengajian tinggi adalah kurang berjaya, kerana masih ada golongan yang mahu memisahkan anak muda mengikut kaum. Peserta kongres menganggap

program ini dapat mempertingkatkan semangat patriotisme golongan muda yang merupakan aset negara. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga (JKMKT) Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga (JKMKT) telah ditubuhkan pada 30 Oktober 2002. JKMKT telah mendapatkan maklumbalas daripada rakyat dan membuat berbagai perbincangan dengan persatuan dan pertubuhan sebelum keputusan dibuat tentang pelaksanaan program ini. Di antara tindakan kerajaan ialah;

- 1.1.1 Menjalankan kajian terhadap ibu bapa dan pelajar mengenai Program Khidmat Negara. Penemuan kajian menunjukkan 98.4% ibu bapa dari pelbagai kaum bersetuju dengan program ini; 93% bersetuju program ini dijalankan secara berasrama; 80.4% bersetuju supaya melibatkan kedua-dua lelaki dan perempuan. Dari segi tempoh program, 50% dari kaum lain-lain mahu tempoh enam (6) bulan; 43.1% kaum Melayu mahukan enam (6) bulan dan 41.7% dari kaum Cina mahukan tiga (3) bulan. Tiga objektif utama program yang dipersetujui ialah patriotisme, perpaduan dan disiplin.
- 1.1.2 Mendapatkan pandangan dari badan-badan bukan kerajaan, parti politik
- 1.1.3 Mengkaji pelaksanaan program-program kerahan tenaga dan khidmat negara di negara-negara lain
- 1.1.4 Menukarkan istilah 'kerahan tenaga' kepada 'khidmat negara'

2. OBJEKTIF PLKN

- 2.1 Menanam semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan generasi muda atau remaja Malaysia.

- 2.2 Mempertingkatkan perpaduan kaum serta integrasi nasional.
- 2.3 Membentuk perwatakan positif melalui penerapan nilai-nilai murni, dan
- 2.4 Menanam semangat kesukarelaan di kalangan remaja.

3. **KONSEP PLKN**

- 3.1 Berteraskan Rukun Negara.
- 3.2 Penyertaan yang menyeluruh melibatkan lelaki dan wanita dari berbagai kaum.
- 3.3 Penyertaan diwajibkan dan tiada pengecualian melainkan atas sebab-sebab kesihatan yang diiktiraf oleh doktor/hospital kerajaan.
- 3.4 Umur peserta di antara 16 hingga 35 tahun . Buat masa ini kerajaan memutuskan penyertaan bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau seusia dengannya.
- 3.5 Jangkamasa program latihan tidak melebihi daripada enam (6) bulan.
- 3.6 Kurikulum dibentuk dengan mengambilkira kepelbagaian kaum.
- 3.7 Melibatkan semua agensi kerajaan, swasta dan NGO.
- 3.8 Bukan berbentuk kerahan tenaga atau "*Military Conscript*".
- 3.9 Mempunyai kurikulum yang berbagai disiplin.
- 3.10 Mempunyai imej tersendiri dari segi pakaian seragam, logo dan lagu.
- 3.11 Dilaksanakan di kem latihan secara berterusan selama tidak lebih daripada 90 hari (di dalam PLKN Siri 1/2004 pelatih mengikuti Modul Fizikal di dalam kem dan Modul Kenegaraan, Pembinaan Karakter dan Khidmat Komuniti di Institusi Pengajian Tinggi Awam).
- 3.12 Tidak mengandungi hukuman bersifat penderaan tetapi mengenakan hukuman untuk mengajar.

- 3.13 Menyeronokan, berfaedah dan akan menjadi kenangan sepanjang masa.
- 3.14 Menjadi proses pembelajaran yang menarik minat serta berbentuk *experiential*.
- 3.15 Mengutamakan semangat muhibbah di dalam semua aktiviti yang dijalankan.
- 3.16 Bilangan pelatih bagi setiap kem ialah antara 300 – 400 orang (di dalam PLKN Siri 1/2004 seramai 680 – 720 orang pelatih berada di setiap kem).
- 3.17 Semua pelatih tinggal di dalam berek/blok kediaman dan tidak lagi dalam khemah seperti semasa Siri 1/2004. Setiap berek akan didiami oleh 25 orang pelatih.
- 3.18 Diwujudkan Kumpulan Naziran untuk pemantauan. Setiap pasukan naziran di bawah Majlis Latihan Khidmat Negara di peringkat negeri di seluruh negara dipengerusikan oleh seorang anggota Majlis.
- 3.19 Memastikan pelatih tidak dibebankan dengan subjek-subjek yang telah dilalui di sekolah.
- 3.20 Mengurangkan kepadatan modul untuk disesuaikan dengan remaja lepasan sekolah.
- 3.21 Arah tuju dan tindakan selanjutnya mengenai Khidmat Negara akan diambil berasaskan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri.

4. PEMILIHAN PELATIH

- 4.1 Pada 28 Mei 2003 Jemaah Menteri meluluskan cadangan pelaksanaan PLKN di dalam tahun 2004 melibatkan 85,000 orang remaja yang dilahirkan pada tahun 1986 dan dipilih secara rawak melalui sistem komputer. Bagi PLKN Siri 2/2005 seramai 85,000 remaja yang dilahirkan pada tahun 1987 telah dipilih. Modus operandi seperti berikut;

- 4.1.1 Nama dan alamat yang digunapakai seperti mana yang terdapat dalam rekod di Jabatan Pendaftaran Negara.
- 4.1.2 Usaha mengesan pelatih dibuat melalui siaran akhbar tempatan berbagai bahasa, laman web JLKN, Jabatan Penerangan Negeri dan Daerah, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pelajaran. Mereka juga boleh menghubungi JLKN melalui talian 'hotline' di Pusat Panggilan dan melalui sistem Talian Pesanan Ringkas (SMS).
- 4.1.3 Nama pelatih yang berjaya dimasukkan ke dalam sisipan akhbar mengikut zon (negeri) dan mereka dihubungi dengan notis secara Surat Berdaftar mengikut alamat yang dibekalkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.
- 4.1.4 Pusat panggilan di JLKN beroperasi setiap hari dari 8.00 pagi hingga 6.00 petang untuk membantu pelatih dan pemanggil lain.
- 4.1.5 Setiap pelatih diwajibkan membuat perakuan kesihatan dengan mengisi borang yang dikhaskan.
- 4.1.6 Pelatih perlu membuat pemeriksaan di klinik (awam atau kerajaan) sekiranya menghadapi sebarang masalah kesihatan dan ingin memohon pengecualian.
- 4.1.7 Bagi pelatih yang menghadapi kesusahan yang luar biasa, pelatih dikehendaki mengemukakan surat pengesahan daripada pihak berkuasa yang berkenaan, atau dari Pesuruhjaya Sumpah, Majistret, Penghulu, Penggawa, Tok Sidang atau Jaksa Pendamai sebagai sokongan
- 4.1.8 Kategori pelatih yang diberi penangguhan ialah;
 - a. **Menduduki Peperiksaan Utama** – Sebagai contoh seseorang yang dipanggil menyertai PLKN pada tahun

2004 masih berada di tingkatan lima dan akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun tersebut atau pelajar tingkatan enam atas yang akan mengambil Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

- b. **Meneruskan Pengajian** – Seseorang yang sedang meneruskan pengajian di mana tempoh pengajian tersebut bertindih dengan tempoh PLKN dijalankan (termasuklah menuntut di sekolah antarabangsa, sekolah 'expatriate' atau di luar negara)

- c. **Akan Menimbulkan Kesusahan Luar Biasa**
 - i. Ibu mengandung.
 - ii. Menyusu anak sendiri yang kurang daripada umur 2 tahun.
 - iii. Punca penggantungan keluarga (mempunyai tanggungjawab yang berat dan besar terhadap keluarganya).
 - iv. Pelatih PLKN yang perlu menamatkan latihan terlebih awal daripada tarikh akhir latihan disebabkan perlu melanjutkan pelajaran ke peringkat matrikulasi atau tingkatan enam rendah.
 - v. Mana-mana orang atas sebab mengikuti latihan sukan di bawah Program Sukan Malaysia (SUKMA).

- d. Setiap permohonan penangguhan
 - i. Dibuat dalam borang 1.

- ii. Perlu disertakan dengan dokumen sokongan.
- iii. Permohonan dialamatkan kepada Pengarah Dasar dan Data JLKN, Kementerian Pertahanan Malaysia.
- iv. Rayuan penangguhan (seksyen 20(3)) dibuat kepada Majlis Latihan Khidmat Negara

4.1.9 Kategori pelatih yang diberi pengecualian ialah;

- a. orang yang menghidapi penyakit yang boleh membawa maut
- b. orang yang mengalami kecacatan fizikal
- c. orang yang menjalani hukuman pemenjaraan
- d. orang yang menjalani tahanan berhubungan dengan tahanan pencegahan
- e. orang yang menjalani rawatan dan pemulihan di bawah Akta penagih dadah
- f. orang yang menjalani tahanan di bawah Akta Kanak-kanak 2001
- g. orang bercelaru mental @ gila
- h. orang yang menghidapi penyakit berjangkit

5. AKTA LATIHAN KHIDMAT NEGARA

- 5.1 Rang undang-undang Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628) diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 25 Jun 2003 dan oleh Dewan Negara pada 7 Julai 2003.

Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628) adalah "***suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan kehadiran orang bagi latihan khidmat negara di Malaysia***

berdasarkan falsafah Rukun Negara, untuk menubuhkan Majlis Latihan Khidmat Negara bagi maksud latihan khidmat negara, dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya.”

- 5.2 Selaras dengan keperluan subseksyen 17 (1) Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628), Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) menetapkan PLKN Siri 1/2004 dan Siri 2/2005 dijalankan di dalam empat modul iaitu Modul Fizikal, Modul Kenegaraan, Modul Pembinaan Karakter dan Modul Khidmat Komuniti. Peserta akan menjalani ke empat-empat modul latihan di semua kem di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak. Seramai 85,000 orang peserta yang terpilih dibahagikan kepada tiga kumpulan pengambilan. Kumpulan 1 seramai 28,334 orang peserta, kumpulan 2 seramai 28,333 orang dan kumpulan 3 seramai 28,333 orang peserta.

6. PROGRAM KHAS PESERTA TERCICIR

- 6.1 JKMKKN telah membuat ketetapan supaya satu program khas bagi memberi peluang kedua kepada 8,559 orang peserta PLKN Kumpulan 1, 2 dan 3 Siri 1/2004 yang gagal menghadirkan diri bermula pada awal bulan Ogos 2004. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pelatih yang terlibat untuk membuat semakan nama dan nombor kad pengenalan masing-masing di dalam akhbar. Ini merupakan peluang terakhir dan pelatih yang tidak melaporkan diri dan mereka yang gagal hadir akan diambil tindakan undang-undang ke atas mereka.

7. PELAKSANAAN PLKN

7.1 Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) Kementerian Pertahanan yang ditubuhkan pada 16 Oktober 2003 adalah agensi pelaksana PLKN (Seksyen 13 (1) ALKN 2003).

7.2 JLKN Kementerian Pertahanan berfungsi untuk;

7.1.1 Menggubal dasar dan peraturan mengenai pelaksanaan program Latihan Khidmat Negara.

7.1.2 Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan program Latihan Khidmat Negara.

7.1.3 Merancang dan menyelaras keperluan guna tenaga kerja, infrastruktur, kemudahan, peralatan dan kelengkapan latihan yang diperlukan untuk program Latihan Khidmat Negara.

7.1.4 Membangunkan dan menyelenggara sistem maklumat serta menyimpan rekod – rekod mengenai peserta – peserta program Latihan Khidmat Negara.

7.1.5 Merancang, menyelaras dan melaksanakan program latihan untuk jurulatih (TOT) dan kursus ulangkaji jurulatih serta menguruskan penempatan mereka di kem – kem latihan.

7.1.6 Mengkaji dan menilai keberkesanan pelaksanaan program Latihan Khidmat Negara dan menyediakan laporan penambahbaikan.

7.3 Kaedah Latihan

7.3.1 Kaedah latihan yang digunakan untuk mencapai objektif PLKN ialah melalui modul multi disiplin;

- a. **Modul Teras**
 - i. Modul Fizikal
 - ii. Modul Kenegaraan
 - iii. Modul Pembinaan karakter
 - iv. Modul Khidmat komuniti

- b. **Komponen Tambahan**
 - i. Komponen Kerohanian
 - ii. Komponen Kebudayaan
 - iii. Komponen Silang Budaya
 - iv. Komponen Sistem Nilai

7.4 Pelaksanaan Modul dan Komponen

7.4.1 Modul Fizikal

Secara khususnya, objektif Modul Fizikal ialah untuk;

- a. Membina disiplin dalaman melalui unsur regimentasi ala tentera untuk membangun karakter unggul.
- b. Meningkatkan motivasi diri untuk menambah keyakinan dan kepercayaan terhadap diri sendiri.
- c. Memupuk semangat kerjasama dan kekitaan di kalangan peserta berbilang bangsa, budaya dan agama sebagai langkah ke arah integrasi nasional.
- d. Meningkatkan kefahaman dari segi peranan mereka dalam konteks keselamatan dan pembangunan negara.

Kurikulum modul ini meliputi subjek-subjek berikut:

- a. Regimentasi 'ala tentera' untuk meningkat disiplin diri (contoh; aktiviti kawad).
- b. Aktiviti litar tali tinggi dan rendah.
- c. Motivasi diri untuk menanam nilai-nilai positif.
- d. Latihan Dalam Kelompok untuk latihan Binapasukan.
- e. Kefahaman mengenai fungsi pemimpin dan pengikut.
- f. Teknik menyelesaikan masalah (contoh; melalui sukan kreativiti).
- g. Teknik Ikhtiar Hidup (Survival; seperti kraf hutan, pertolongan cemas dan ilmu mempertahankan diri)
- h. Aktiviti air
- i. Aktiviti Berpasukan (seperti ekspedisi hutan)

7.4.2 Modul Kenegaraan

Modul Kenegaraan adalah sebuah modul yang diaplikasikan untuk memperluaskan pengetahuan tentang kenegaraan (*nation-building*) dan meningkatkan perasaan cinta serta pengorbanan para peserta program kepada negara. Melalui latihan dalam kumpulan, jurulatih memimpin kumpulan untuk mempelajari tentang kenegaraan yang merangkumi tanah air, rakyat, kerajaan, kedaulatan dan cabaran-cabaran dalam dan luar negara. Melalui elemen **Tanah Air**, peserta akan dibantu membina serta memupuk rasa sayang kepada tanah air dan sanggup mempertahankannya. Peserta membincangkan tentang negara dari segi aspek geografi, keindahan bumi ini, hasilnya, sempadan dan lain-lain. Peserta dapat mengetahui asal-usul pelbagai ras, etnik, membina rasa sayang sesama etnik dan antara etnik,

memahami kepentingan bersatu-padu melalui aktiviti seperti menganalisis fakta tentang etnik, mengharmonikan perbezaan, memahami persamaan dan sebagainya melalui elemen **Rakyat**. Elemen **Kerajaan** pula membantu peserta memahami bagaimana negara (tanah air, rakyat, kedaulatan) ini ditadbir dan diurus, melalui sistem pentadbiran, undang-undang, perlembagaan dan lain-lain. Peserta memahami kepentingan dan cara untuk mempertahankan kebebasan negara melalui elemen **Kedaulatan**. **Cabaran dari dalam dan luar negara** juga diperbincangkan supaya peserta menyedari peluang dan ancaman yang datang secara berterusan. Modul ini dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti lawatan, simulasi, lakonan, dinamik kumpulan, menonton gambar, melukis, berdebat, mentafsir peristiwa dan lain-lain.

7.4.3 Modul Pembinaan Karakter

Modul Pembinaan Karakter adalah sebuah modul yang dilaksanakan untuk membina karakter yang berkesan bagi para peserta yang merangkumi diri, keluarga, komuniti dan negara. Terdapat dua komponen yang akan dilalui peserta di mana yang pertama berfokus kepada pembinaan diri dan kedua adalah tentang diri dengan orang lain. Di dalam komponen pertama, peserta melalui proses penerokaan diri sendiri, menyedari dan mengenal pasti ciri-ciri diri (seperti aspek kepimpinan), memperkayakan kekuatan dan memulihkan kelemahan diri. Peserta menyedari tentang penglibatan orang lain dalam kehidupan mereka, mengetahui kemahiran untuk bekerja sebagai ahli satu pasukan, cara bertindak sebagai pemimpin dalam kumpulan,

dan mengatasi masalah di dalam kumpulan semasa melalui komponen kedua modul ini. Melalui aktiviti-aktiviti ceramah, permainan, latihan dan lain-lain, peserta belajar tentang kejujuran, membuat pilihan, bertanggungjawab, memimpin, menunaikan janji (komitmen) dan membina keyakinan diri.

7.4.4 Modul Khidmat Komuniti

Modul Khidmat Komuniti adalah sebuah modul yang dilaksanakan untuk mempertingkatkan semangat kesukarelaan di kalangan peserta. Para peserta mempelajari melalui pengalaman di kawasan kejiranan, dalam kerja perkhidmatan sosial, alam sekitar, kemudahan awam dan penempatan di agensi kerajaan. Aktiviti sukarela yang dijalankan adalah seperti mengkaji keadaan di lokasi tema-tema tersebut, mengenalpasti masalah yang ada, memberi cadangan, membuat kerja pembaikan, pembersihan, penceriaan, pengindahan dan lain-lain. Bagi tema **kejiranan**, perkhidmatan sukarela dilaksanakan untuk keluarga atau penduduk di kawasan perumahan, kampung, kampung baru, ladang, rumah panjang, rumah pangsa, kampung orang asli, FELDA dan lain-lain. Sumbangan kerja sukarela dalam **perkhidmatan sosial** meliputi aspek kesihatan, pendidikan, kebajikan, perumahan dan sebagainya dalam organisasi, institusi, pertubuhan kerajaan ataupun badan bukan kerajaan. Bagi **alam sekitar** pula, peserta membantu memelihara alam sekitar termasuklah hutan, sungai, kawasan pertanian, penternakan, perindustrian, pantai dan sebagainya. Kerja sukarela juga dilakukan ke atas **kemudahan awam** yang disediakan

seperti taman rekreasi, pasar, stesen bas, keretapi, perpustakaan, lif, taman permainan, tandas awam, pondok telefon, dewan orang ramai dan lain-lain. ***Penempatan di agensi kerajaan*** adalah untuk mendedahkan kepada pelatih tentang peranan agensi untuk pembangunan negara dan peluang bagi pelatih memberikan perkhidmatan sukarela bagi menjayakan misi agensi-agensi tersebut.

7.4.5 Komponen Kerohanian

Komponen ini telah mula dilaksanakan di 71 buah kem untuk pelatih PLKN Kumpulan 2 Siri 2/2005. Aktiviti termasuklah kuliah subuh, pendidikan kerohanian, bacaan yassin serta tahlil dan penerapan nilai-nilai sejagat (universal). Objektif-objektif yang ingin dicapai adalah seperti berikut;

- a. Supaya semua pelatih memahami nilai-nilai murni di dalam kehidupan (termasuklah tentang khidmat sosial/komuniti).
- b. Supaya semua pelatih memahami nilai-nilai profesionalisme (termasuklah nilai-nilai kecemerlangan).
- c. Supaya semua pelatih memahami nilai-nilai kepimpinan.
- d. Supaya semua pelatih memahami konsep patriotisme (merangkumi sejarah kemerdekaan, pengisian kemerdekaan dan mengaplikasi rasa tanggungjawab menjaga aset Negara).

- e. Supaya pelatih beragama Islam mempelajari fitrah kejadian manusia dalam aqidah dan tauhid.
- f. Supaya pelatih beragama Islam mempelajari ibadah rutin harian (termasuklah tentang bersuci, sembahyang, berdoa dan lain-lain).
- g. Supaya pelatih beragama Islam memahami dan mengaplikasi akhlak Islamiah (termasuklah cara beradab, melaksanakan fardhu kifayah, mengaplikasikan kecintaan kepada harta benda awam dan negara)

7.4.6 Komponen Kebudayaan

Komponen ini mula dilaksanakan di 35 buah kem yang terpilih bagi bagi pelatih-pelatih Kumpulan 2 Siri 2/2005. Program Penghayatan Sastera dan Budaya (PPSB) di dalam komponen kebudayaan di meliputi aktiviti seperti sesi mengenal tokoh dan penghayatan puisi, sesi gerak berkumpul dan persembahan kumpulan. Objektif-objektif yang ingin dicapai adalah seperti berikut;

- a. Pelatih dapat menyampaikan mesej kecintaan dan memanifestasikan perasaan terhadap pemimpin, bangsa dan tanah air.
- b. Pelatih boleh mengaplikasikan nilai-nilai murni semasa bekerja sebagai satu pasukan.
- c. Pelatih dapat menghasilkan kerja yang kreatif dan berfikiran kritis.

- d. Pelatih memahami kepentingan pemikiran kritis dan daya kreativiti untuk menempuhi cabaran dalam kehidupan.

7.4.7 Komponen Silang Budaya

Komponen ini mula dilaksanakan di 71 buah kem bagi pelatih-pelatih Kumpulan 2 Siri 2/2005. Terdapat tiga sub-komponen iaitu silang budaya, silang agama dan silang jantina. Objektif utama adalah supaya para pelatih dapat memahami persamaan dan perbezaan dari segi budaya, agama dan jantina agar mereka boleh hidup lebih harmoni dan mengelakkan konflik yang melampau. Objektif-objektif khusus yang mahu dicapai adalah seperti berikut;

- a. Pelatih dapat memahami pelbagai budaya kaum-kaum Melayu, Cina, Baba dan Nyonya, India, Portugis, Kadazan, Iban
- b. Pelatih dapat memahami pelbagai agama seperti agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan Sikh.
- c. Pelatih dapat memahami peranan, persamaan dan perbezaan antara kaum lelaki dan perempuan.

7.4.8 Komponen Sistem Nilai

Komponen ini mula dilaksanakan di 71 buah kem bagi pelatih-pelatih Kumpulan 2 Siri 2/2005. Objektif-objektif yang mahu dicapai adalah seperti berikut;

- a. Pelatih dapat memahami konsep nilai, sistem nilai, kegunaan dan kelebihannya.
- b. Pelatih dapat mengenali nilai diri, membentuk nilai dan maruah diri serta menghormati nilai orang lain.
- c. Pelatih dapat melihat nilai dalam perlakuan harian mereka.
- d. Pelatih dapat membentuk nilai pasukan, nilai bersama (*shared values*).
- e. Pelatih dapat menghargai nilai.
- f. Pelatih dapat mengaplikasikan nilai berkesan/positif.

8. MEKANISME PELAKSANAAN PLKN

- 8.1 Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628) yang mempunyai 9 bahagian dan 32 seksyen digunakan untuk pelaksanaan PLKN.

9. TARIKH DAN BILANGAN PELATIH PLKN SIRI 1/ 2004

- 9.1 Kump. 1. bermula daripada 16/02/04 hingga 02/05/04. Daripada 28,334 yang patut melapor cuma 25,884 yang bedaftar.
- 9.2 Kump. 2 bermula daripada 22/03/04 hingga 03/06/04. Daripada 28,333 cuma 21,227 yang berdaftar dan tamat latihan.
- 9.3 Kump. 3 bermula daripada 22/03/04 hingga 13/06/04 dan daripada 28,333 cuma 20,531 yang berdaftar.
- 9.4 Jumlah keseluruhan yang dilatih bagi Siri 1/2004 termasuk Program Khas ialah seramai 70,208 pelatih.

10. TARIKH DAN BILANGAN PELATIH PLKN SIRI 2/2005

10.1 Kump. 1 bermula daripada 13/12/04 hingga 06/03/05. Daripada 28,334 yang patut melapor seramai 24,969 yang telah berdaftar.

10.2 Kump. 2 – 14/03/05 – 03/06/05 (28,333)

10.3 Kump. 3 – 10/07/05 – 30/09/05 (28,333)

Jumlah: 85,000 orang

11. JADUAL LATIHAN

0630	Patriotik Dan Senaman Pagi		
0730			
0900	Kenegaraan	Pembinaan Karakter	Khidmat Komuniti
1230			
1400	Fizikal		
1700			
1730	Riadah		
1830			
2030	Kebudayaan/Kesenian/Refleksi/Ceramah Khas		
1130			

12. ISU DAN PENAMBAHBAIKAN

Pihak JLKN banyak menerima maklumbalas daripada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung tentang beberapa isu di dalam PLKN. JLKN telah membuat penambahbaikan dan mengalu-alukan cadangan dari semua pihak.

12.1 Tempoh dan susunan modul

12.1.1 Semasa pelaksanaan PLKN Siri 1/2004 yang lalu, pelatih mengikuti sesuatu modul dalam jangkamasa yang panjang. Sebagai contoh, sebulan untuk menjalani secara terus bagi Modul Fizikal diikuti dengan tiga minggu untuk Kenegaraan, selepas itu dua minggu bagi Pembinaan Karakter dan disambung dengan tiga minggu untuk Khidmat Komuniti. Pelatih mengikuti setiap modul dari pagi hingga malam. Tempoh masa dan susunan modul seperti ini menyebabkan pelatih berasa jemu dan menjejaskan proses pembelajaran.

Penambahbaikan: Program bukan berbentuk fizikal (Modul Kenegaraan, Pembinaan Karakter dan Khidmat Komuniti) dilaksanakan di sebelah pagi (9.00 – 12.30 tgh) manakala Modul Fizikal dijalankan pada sebelah petang. Jadual Latihan seperti di para 11. Walaubagaimanapun perubahan yang dibuat masih mempunyai corak pengasingan mengikut modul dan jika perubahan ini tidak berkesan, kemungkinan besar satu bentuk kurikulum bersepadu (iaitu dengan 'menggabungkan' semua modul dan komponen) diperlukan.

12.2 Kurikulum

12.2.1 Walaupun kajian tinjauan yang dijalankan ke atas pelatih Siri 1/22004 dan Siri 2/2005 mendapati PLKN berkesan untuk mencapai objektif, namun penambahbaikan yang berterusan perlu dibuat dalam semua modul seperti Modul Pembinaan Karakter yang memasukkan juga aspek kerohanian. Selain daripada itu, aktiviti kebudayaan dan kerohanian ada dijalankan sejak PLKN Siri 1/2004. Namun ianya dijalankan secara adhoc. Sementara itu aktiviti keagamaan untuk pelatih Islam dijalankan oleh pihak Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Tinjauan yang dijalankan mendapati salah satu faktor yang mencetuskan konflik antara pelatih ialah kurang kefahaman tentang budaya dan agama pelatih yang berlainan kaum dan agama.

Penambahbaikan: JLKN telah mengemaskini semua modul untuk melatih Jurulatih dan pelatih serta menambah empat komponen yang lebih berstruktur seperti Komponen Silang Budaya, Sistem Nilai, Kerohanian dan Kebudayaan. Di dalam komponen silang budaya pelatih diberi kefahaman tentang persamaan dan perbezaan dari segi budaya, agama dan juga peranan jantina yang berlainan. Sistem nilai mengajar pelatih mengenalpasti nilai yang berkesan, menghargai nilai diri dan orang lain manakala komponen kerohanian mempunyai bahagian untuk pelatih Islam sahaja dan sebahagian lagi untuk semua, iaitu nilai sejagat. JLKN sedang membentuk kurikulum khas untuk pelatih bukan Islam sewaktu pelatih Islam membaca yasin dan bertahlil

pada hari Khamis malam Jumaat dengan bantuan KAGAT. Pelatih dapat menghayati sastera dan budaya di dalam komponen kebudayaan yang secara langsung menyedarkan mereka tentang kesenian dan kebudayaan. Pelatih juga diberi ceramah motivasi, kerjaya dan pendidikan untuk menjadi pelatih bermaklumat. Kesedaran tentang dadah, lumba haram, amalan makanan yang sihat juga diadakan. JLKN juga sedang berusaha mendedahkan pelatih dalam bidang ICT.

12.3 Tempat Latihan

12.3.1 Semasa pelaksanaan Siri 1/2004, pelatih mengikuti Modul Fizikal di kem yang menampung antara 500 hingga 800 orang, manakala tiga modul yang lain dijalankan di Institusi Pengajian Awam (IPT). Masalah yang timbul adalah seperti pembaziran sumber (masa, wang, tenaga dan lain-lain) akibat dari perubahan lokasi latihan dari Kem ke IPTA dan sebaliknya. Pelatih lebih gemar menjalani latihan fizikal di kem dan ini memberi masalah semasa mereka berada di IPTA. Kampus IPTA yang luas dan banyak pintu keluar masuk juga menyebabkan pergerakan pelatih sukar dikawal dan menimbulkan banyak masalah disiplin. Masalah disiplin seperti pergaduhan di kalangan pelatih timbul kerana masalah kawalan kumpulan yang terlalu besar.

Penambahbaikan: Keseluruhan latihan dijalankan di dalam kem, kecuali apabila pelatih perlu ke lokasi di luar kem (seperti keperluan Modul Khidmat Komuniti). Terdapat 71 buah kem yang beroperasi bagi pelatih Kumpulan 2 Siri

2/2005 dan setiap kem menampung purata 400 orang pelatih. Pelatih tinggal di dalam khemah semasa PLKN Siri 1/2004 tetapi bagi Siri 2/2005, pelatih tinggal di dalam berek. Jumlah yang kecil ini mudah dikawal dan mengurangkan masalah disiplin pelatih.

Bagi tujuan perpaduan kaum dan intergrasi nasional, JLKN menyusun strategi supaya setiap kem mempunyai lebih kurang 51% pelatih lelaki dan 49% pelatih perempuan dan pecahan kaum mengikut peratusan; 60% pelatih kaum Bumiputera, 28% dari kaum Cina, 10% dari kaum India dan 2% dan lain-lain kaum. Selain dari itu, 10% pelatih keluar dari negeri masing-masing dan pelatih di dalam negeri menjalani latihan di daerah yang bukan tempat mereka bermaustatin. Terdapat pelatih semenanjung dihantar ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya. Walaubagaimanapun jumlah pelatih yang terlibat di dalam usaha intergrasi nasional adalah kecil memandangkan kekangan dari segi kos.

12.4 **Struktur Organisasi**

12.4.1 Semasa pelaksanaan PLKN Siri 1/2005, Pengarah Kem dan Komandan IPTA adalah terdiri dari pihak luar dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) hanya terlibat di dalam urusan logistik, pendidikan agama dan perubatan. Masalah yang timbul ialah dari segi 'chain-of-command' yang tidak jelas sehingga menyebabkan berlakunya konflik dari segi penyelarasan sistem, arahan dan lain-lain perkara di kem dan IPTA.

Penambahbaikan: Semua Komandan Kem, Timbalan Komandan Kem (Pengurusan), staf untuk logistik, kesihatan, disiplin dan agama adalah anggota ATM yang diletakkan di bawah kawalan JLKN Kementerian Pertahanan.

12.5 Sistem

12.5.1 Semasa pelaksanaan PLKN Siri 1/2004, terdapat kelemahan-kelemahan dalam sistem kawalan pelatih, kawalan jurulatih, peraturan disiplin, peraturan pelawat, peraturan mengendalikan kes-kes kecemasan, pengurusan pengangkutan pelatih, sistem sajian, kemudahan kesihatan, komunikasi dan kebajikan. Di antara punca masalah adalah kerana panduan yang kurang jelas, prosedur yang kurang seragam, perbezaan peringkat kemahiran dan latarbelakang Pengarah Kem, Sistem Pengurusan yang berbeza diantara Kem dan IPTA serta tapisan jurulatih yang longgar semasa diambil berkhidmat dengan JLKN.

Penambahbaikan: JLKN telah membuat beberapa penambahbaikan seperti;

a. **Pengurusan Disiplin Pelatih, Jurulatih Dan Jenis Hukuman.**

Arahan tetap yang menggariskan tatacara mengurus kes disiplin pelatih dan jurulatih yang melanggar disiplin serta bentuk-bentuk hukuman telah digunakan di dalam Siri 2/2005.

b. **Cuti Hari Keagamaan**

Terdapat pihak-pihak yang mahu supaya cuti hari keagamaan diberi perhatian dan pertimbangan. JLKN mempertimbangkan cuti hari keagamaan bagi semua kaum. Sebagai contoh semasa PLKN Kumpulan 1 Siri 2/2005, pelatih boleh memilih mana-mana dua cuti bagi perayaan Krismas, Hari Raya dan Gong Xi Fa Cai. Bilangan hari untuk PLKN Kumpulan 2 Siri 2/2005 dipendekkan kerana Hari Gawai dan Keamatan. **Walau bagaimanapun timbul beberapa masalah seperti terdapatnya pelatih yang mengambil kesempatan cuti hari keagamaan untuk tujuan lain; tidak kembali semula ke kem selepas mendapat cuti dan hanya kembali setelah beberapa hari yang dibenarkan. Laporan polis adalah dibuat bagi pelatih-pelatih yang gagal melapor diri selepas bercuti.**

c. **Jurulatih**

JLKN menghadapi masalah seperti untuk mendapatkan; Jurulatih dari kaum Cina dan India memandangkan bilangan pelatih kaum Cina ialah 28% dan kaum India 10%; Jurulatih wanita untuk Modul Fizikal; Jurulatih yang berkesan tetapi bekerja dengan pihak swasta (mengikut Akta hanya boleh bekerja selama 30 hari dengan mendapat elaun Jurulatih dan gaji); Jurulatih yang berkesan dari sektor awam tetapi tidak dilepaskan majikan (walaupun mendapat kemudahan cuti tanpa rekod)); Jurulatih yang tidak berdisiplin; Jurulatih yang mohon

penamatan perkhidmatan; Jurulatih yang tidak melaporkan diri walaupun mendapat notis dan lain-lain.

Penambahbaikan:

Usaha mendapatkan Jurulatih: Selain daripada mengiklan di dalam akhbar, melalui NGO, radio dan televisyen, agensi awam dan swasta, JLKN juga menggalakkan Jurulatih 'membawa calon' mereka untuk ditapis sebelum mengikuti Kursus Untuk Jurulatih. **Namun begitu JLKN masih menghadapi bilangan Jurulatih dari kaum Cina dan India yang masih belum mencukupi, begitu juga bilangan Jurulatih wanita untuk Modul Fizikal.**

Kualiti Jurulatih: Bagi memastikan kualiti Jurulatih, JLKN membuat saringan awal dari segi kelayakan, pengalaman dan penilaian semasa Kursus Untuk Jurulatih dan semasa pelaksanaan PLKN. Tapisan keselamatan dijalankan oleh pihak Polis di Raja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia (bagi anggota dan bekas anggota ATM) tetapi **adalah sukar untuk mendapatkan 100% Jurulatih yang bertanggungjawab dan berdisiplin.** PERHEBAT telah diberi tanggungjawab untuk melatih Jurulatih Fizikal yang terdiri daripada pesara-pesara tentera. Ini untuk memastikan kualiti Jurulatih Fizikal.

Pelepasan Majikan: JLKN ada membuat perbincangan dengan pihak majikan swasta mengenai Jurulatih dari sektor swasta tetapi dasar yang dipersetujui tidak dapat digunakan secara keseluruhan. Buat masa ini (sejak Kumpulan 4, iaitu Program Khas Siri 1/2004) JLKN tidak mengambil lagi Jurulatih dari sektor swasta kecuali mereka yang dibenarkan majikan. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia juga bekerjasama dengan JLKN untuk memastikan pegawai awam yang mendapat notis pelantikan dilepaskan majikan mereka. Walaupun adanya Akta dan Pekeliling Perkhidmatan namun terdapat majikan agensi kerajaan yang masih tidak dapat melepaskan pegawai dan kakitangan mereka untuk berkhidmat. **Kerajaan boleh menggunakan Akta untuk menghukum majikan dan Jurulatih bagi memastikan kehadiran mereka, namun tindakan tersebut boleh mengakibatkan kesan yang negatif kepada pelatih dan PLKN keseluruhannya.**

Menambah Jurulatih: JLKN terpaksa menambah bilangan Jurulatih yang dilatih untuk menampung mereka yang tidak dapat hadir bertugas kerana masalah peribadi atau dihalang majikan. **Kesannya ialah kos latihan bertambah apabila JLKN terpaksa menambah bilangan kursus latihan dan masa banyak digunakan.**

Buat masa ini JLKN sedang merancang untuk melantik graduan-graduan yang boleh menjadi Jurulatih bagi Modul Kenegaraan dan Pembinaan Karakter serta Khidmat Komuniti (terlatih di dalam semua modul). Jika rancangan ini berjaya, jumlah Jurulatih bagi semua modul boleh dikurangkan (JLKN perlukan seramai 5,700 orang Jurulatih bagi semua modul untuk setiap kumpulan) dan selain daripada menjimatkan duit untuk membayar elaun Jurulatih, JLKN juga boleh mengekalkan perkhidmatan mereka dengan lebih lama.

Jurulatih yang tidak berdisiplin: Tindakan sewajarnya telah diambil ke atas mereka mengikut Arahan Tetap dan bagi Jurulatih yang melanggar undang-undang pula, tindakan mereka telah dilaporkan kepada pihak polis.

d. **Latihan Komandan Kem dan Timbalan Komandan**

Terdapat rungutan tentang pengurusan kem yang dikatakan tidak profesional (termasuklah tidak berkesan dan tidak cekap).

Penambahbaikan: Selain daripada mempunyai staf pengurusan (Komandan dan Timbalan Komandan) yang terdiri dari anggota ATM yang profesional, mereka tetap dikehendaki untuk mengikuti seminar pemantapan dan Kursus Peningkatan Profesionalisme.

e. **Peraturan Keluar Masuk Kem**

Kelonggaran dari segi peraturan keluar masuk kem menimbulkan insiden-insiden yang tidak diingini.

Penambahbaikan: Arahan Tetap telah dikeluarkan tentang keluar masuk kem untuk semua orang dan Komandan bertanggungjawab menguatkuasakannya. Ianya dikuatkuasakan kepada semua yang keluar masuk kem termasuk jurulatih, pelawat, pekerja dan sebagainya.

f. **Lawatan Keluarga**

Walaupun ibu bapa dan keluarga pelatih boleh melawat, namun lawatan yang tidak dikawal boleh menjejaskan PLKN.

Penambahbaikan: Keluarga dibenarkan melawat dua kali dalam sebulan dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

g. **Penggunaan Telefon Bimbit**

Semasa pelaksanaan PLKN Siri 1/2004, pelatih boleh membawa telefon bimbit ke lokasi latihan. Namun begitu terdapat bukti bahawa banyak kes pergaduhan berpunca daripada penggunaan telefon (contoh; mengumpulkan kawan-kawan untuk bergaduh melalui mesej atau panggilan), kes kecurian telefon (termasuklah bergaduh kerana kehilangan ini) dan lain-lain.

Penambahbaikan: Telefon bimbit boleh dibawa tetapi hendaklah disimpan oleh pihak pengurusan dan boleh menggunakannya hanya pada hujung minggu.

h. **Kemasukan Media Ke Kem**

Terdapat insiden di mana pihak media masuk ke lokasi latihan dan membuat liputan yang tidak berasas.

Penambahbaikan: Pihak media dibenarkan masuk ke kem tetapi hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada JLKN dan lawatan diaturkan oleh 'Kumpulan Media JLKN' secara yang terancang.

i. **Kemasukan NGO Ke Kem**

Walaupun NGO dibenarkan masuk tetapi hendaklah mendapat kelulusan JLKN terlebih dahulu.

j. **Pengurusan Hal-Hal Kemalangan, Kecederaan Berat Dan Kematian**

Prosedur yang tetap digunakan dalam menangani hal-hal kemalangan dan kematian seperti yang diamalkan oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia.

k. **Pelatih**

i. Pelatih terdiri daripada mereka yang **baru lepas Sijil Pelajaran Malaysia** dan **mereka yang tidak bersekolah, tidak tamat tingkatan lima, sudah berumahtangga, sudah bekerja, buta huruf, tidak boleh bertutur Bahasa Melayu** dan terdapat mereka yang terlibat dengan aktiviti tidak bermoral. Walaupun terdapat pendapat yang

mengatakan lebih berkesan jika kedua-dua kategori pelatih ini diberikan pendekatan, orientasi, metodologi yang berbeza, dan diasingkan tempat latihan.

Penambahbaikan: Pengambilan pelatih dibuat sebanyak tiga kali setahun. Pelatih baru lepasan sekolah diberi keutamaan untuk mengikuti PLKN kumpulan awal manakala pelatih bagi kategori kedua mengikuti latihan di sepanjang tahun. Ini adalah untuk memberi peluang bagi pelatih yang akan meneruskan pengajian. Kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah sama.

Bagi mengatasi masalah pelatih yang bukan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia, Jurulatih telah dilatih menggunakan kepelbagaian teknik untuk membantu mereka. Bilangan pelatih di bawah bimbingan Jurulatih diperkecilkan (nisbah seorang Jurulatih bagi 20 - 25 orang pelatih berbanding dengan 30 pelatih di dalam Siri 1/2004) supaya Jurulatih dapat memberi perhatian dengan lebih berkesan.

Walaupun bagaimanapun masih timbul masalah kekurangan Jurulatih bukan Melayu untuk membantu pelatih yang tidak tahu kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris. Kesulitan juga timbul apabila pelatih-pelatih ini digabungkan di dalam satu kumpulan kerana bilangan Jurulatih

bukan Melayu terhad bilangannya kerana ia menjejaskan perpaduan kaum,

I. Aspek keselamatan dan pengawalan disiplin pelatih di kem

Semasa pelaksanaan PLKN Siri 1/2004, terdapat kes-kes seperti pergaduhan, menyimpan senjata merbahaya, merosakkan harta benda (vandalisme), mencuri, ponteng kelas/aktiviti dan lain-lain. Namun telah dapat dikawal dengan bantuan Askar Wataniah yang diberi tanggungjawab untuk mengawal disiplin pelatih. Pasukan ATM juga telah menempatkan pasukan-pasukan mereka diseluruh IPTA untuk memastikan kawalan disiplin pelatih-pelatih terkawal.

2 buah kem khas telah ditubuhkan di Selangor, iaitu Kem Bumijati dan Kem ALIM untuk menempatkan pelatih-pelatih yang terlibat memulakan pengaduan. Kem-kem ini ditadbir dan diuruskan oleh pihak BTN yang mengendalikan pengurusan khas kepada pelatih yang bermasalah.

Penambahbaikan: Jurulatih modul (semua modul) diberi tanggungjawab untuk mengawal disiplin pelatih dan ini termasuklah tugas mengikut syif dari malam hingga ke pagi.

Pemilihan latihan juga ditingkatkan dari segi tapisan keselamatan dengan bantuan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).